

BAGI MEMBINCANGKAN MASALAH PARTI

Tiada syarat temui Presiden

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau bersedia menerima sesiapa sahaja ahli parti untuk membincangkan masalah parti itu.

Presiden Umno itu berkata, soal siapa harus memulakan langkah untuk mengadakan pertemuan sesama ahli juga tidak timbul kerana ia bukan syarat untuk menyelesaikan masalah parti.

Katanya, menjemput seseorang ahli untuk berbincang boleh dianggap sebagai satu syarat sedangkan semua ahli bertanggungjawab menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi oleh parti.

Perdana Menteri berkata: "Datuk Musa Hitam sudah jumpa saya. Saya tak jemput. Dia cuma ketua bahagian. Datuk Abdullah Badawi juga begitu".

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatan dua hari ke Kelantan di Istana Tetamu di sini hari ini beliau berkata, sesiapa pun tidak boleh meletakkan sebarang syarat untuk menemuinya.

Turut hadir ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaacob dan Menteri Pertanian Datuk Seri Samsi Junid.

Katanya, Tengku Razaleigh bukanlah penghalang perpaduan Umno.

Beliau gembira kerana Tengku Razaleigh mengambil bahagian dalam kedua-dua perbincangan politik di sini semalam dan malam tadi bersama pemimpin Umno Kelantan yang lain.

"Seperti biasa, ketua Umno Bahagian

BM - 4 OCT 1987

KOTA BHARU, Sabtu.

Gua Musang itu mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat ketua-ketua bahagian dan peringkat anggota badan perhubungan Umno Negeri," katanya.

Menjawab pertanyaan, beliau bersetuju dengan saranan bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu bahawa semua cerdik pandai dalam Umno patut tampil ke hadapan bagi mengatasi masalah parti.

"Itulah yang kita hendak. Semua cerdik pandai patut sama-sama membincangkan masalah itu, jika ada. Kalau ada jemput menjemput, itu syarat," katanya.

Menjawab pertanyaan lain, beliau berkata, Umno tidak perlu mengadakan forum khas untuk membincangkan masalah dalamannya.

Perdana Menteri bagaimanapun yakin usaha menyelesaikan masalah itu akan berjaya dan setiap usaha ke arah itu tidak perlu dihebohkan melalui akhbar dan sebagainya.

Beliau juga enggan mengulas dakwaan kononnya ada berlaku penindasan dan diskriminasi ke atas sesetengah ahli Umno sejak pemilihan pemimpin parti itu April lalu.

"Saya tiada komen. Saya tak mahu mengulas," tegasnya.